

17/02/1999

Lawatan untuk jawab tuduhan palsu: PM

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada pihak tertentu yang mengambil kesempatan daripada kegawatan politik negara sekarang, untuk menghentam kerajaan menerusi pelbagai tuduhan palsu.

Menurut Perdana Menteri, tuduhan dan dakwaan bertubi-tubi golongan itu mengelirukan rakyat, yang tidak menerima maklumat sepenuhnya mengenai apa sebenar berlaku dalam kancah politik negara.

Sehubungan itu, katanya, beliau terpaksa memberi penjelasan berhubung propaganda berkenaan menerusi lawatan ke seluruh negara, yang akan bermula selepas kunjungan rasmi ke Sabah, akhir minggu ini.

"Tujuan saya ialah untuk menjelaskan kekeliruan rakyat yang disebabkan propaganda terlalu kuat oleh pihak tertentu, menerusi pelbagai cara.

"Sampaikan ada pula ucapan Tahun Baru Cina dari dalam penjara. Ini tidak pernah berlaku, tetapi orang mengatakan kita tidak demokratik. Mereka menggunakan peluang sehabis-habisnya untuk mengelirukan rakyat, jadi saya kena jelaskan," katanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas majlis makan tengah hari sempena Tahun Baru Cina anjuran Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya, Datin Seri Hendon Mahmood; menteri-menteri, diplomat dan tokoh perniagaan.

Bulan lalu, Perdana Menteri mengumumkan beliau akan menjelajah ke seluruh negara selepas Aidilfitri untuk menjelaskan kekeliruan rakyat mengenai perkembangan politik terkini.

Ditanya sama ada kunjungan ke seluruh negara itu mampu mengatasi kekeliruan, Dr Mahathir yakin rakyat tidak mendapat maklumat sepenuhnya berhubung isu semasa.

Menurutnya, lawatan bertemu rakyat itu adalah satu tugas biasa dan pernah dilakukannya pada 1987 dan 1988.

"Ketika negara mula menghadapi masalah ekonomi pun, saya mengelilingi semua negeri untuk memberi penjelasan. Saya fikir sebagai ahli politik, itu tugas saya," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno turut membuat penerangan berhubung masalah politik di negara ini, tetapi tidak boleh berhenti di situ saja.

"Bila ada masalah seperti ini, semua pihak perlu memainkan fungsi dan saya sendiri bertanggungjawab untuk membuat penjelasan," katanya sambil menegaskan, usaha itu perlu dipertingkatkan.

Mengenai pertemuannya dengan pelajar Malaysia di luar negara baru-baru ini, Perdana Menteri berkata mereka nampaknya terpengaruh dengan apa yang berlaku di Indonesia.

"Mereka berpendapat kononnya jika saya undur diri, maka segala-galanya akan selesai. Ini bukan soal saya nak undur diri, segala-galanya akan selesai.

"Masalah sebenar ialah kita perlu pada waktu ini, berganding bahu untuk melawan segala usaha untuk merosakkan kestabilan negara," katanya.

(END)